



جابتن مفتى نكسرى قولاقونق

JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG
TINGKAT 48, KOMTAR,
10000 PULAU PINANG

PENANG
2030

Penang
Green
Office


Tel : 04-2632975 (Pej. Am)
04-2630634 (Mufti)
04-6505452 (Fatwa)
04-6505453 (Falak)
04-6505454 (Pentadbiran)
Faks : 04-2632985

GARIS PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH DAN MAJLIS BERKAITAN BAGI KEMATIAN BUKAN DISEBABKAN COVID-19 SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DARI 18 MAC HINGGA 31 MAC 2020

1. Adalah dimaklumkan bahawa, berdasarkan kes CoVid-19 yang telah merebak ke seluruh negara dan berlaku peningkatan yang drastik, jabatan ini memandang serius ancaman virus yang berbahaya ini. Oleh itu satu usaha bagi mencegah penularannya perlu dilakukan dengan baik dan menyeluruh agar ia tidak menyebabkan jangkitan yang lebih besar.
2. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang bersetuju memutuskan satu arahan pelaksanaan Garis Panduan Pengurusan Jenazah Dan Majlis Berkaitan Bagi Kematian Bukan Disebabkan CoVid-19, seperti berikut:
 - a. Bagi kematian yang berlaku di hospital, jenazah hendaklah diuruskan (mandi dan kafan) di hospital.
 - b. Bagi kematian yang berlaku di rumah, hendaklah mendapat khidmat nasihat daripada Pegawai Kesihatan sama ada perlu diuruskan (mandi dan kapan) di hospital atau di rumah.
 - c. Solat jenazah hanya dibenarkan di rumah/premis persendirian.
 - d. Solat jenazah hendaklah dilaksanakan dengan bilangan jemaah yang terhad iaitu terdiri daripada Pegawai Masjid dan ahli keluarga terdekat sahaja serta diringkaskan solat (tanpa doa selepas salam).
 - e. Urusan pengebumian hendaklah diuruskan dengan bilangan anggota yang seminimum mungkin berserta ahli keluarga terdekat sahaja.
 - f. Majlis tahlil dan kenduri arwah adalah tidak dibenarkan.
3. Namun bagi kes yang tidak dapat dielakkan dan memerlukan pengurusan jenazah dilaksanakan di masjid/surau seperti kematian yang berlaku di rumah yang tidak mempunyai ruang yang sesuai bagi urusan mandi dan kafan, maka ia hendaklah mematuhi arahan berikut:
 - a. Jenazah hendaklah dimandikan dan dikafankan oleh keluarga terdekat sahaja dengan tidak melebihi 3 orang (termasuk seorang Pegawai Masjid/pengurus mayat).

- b. Solat jenazah hendaklah dilaksanakan dengan bilangan jemaah yang terhad iaitu terdiri daripada Pegawai Masjid dan ahli keluarga terdekat sahaja serta diringkaskan solat (tanpa doa selepas salam).
 - c. Urusan pengebumian hendaklah diuruskan dengan bilangan anggota yang seminimum mungkin berserta ahli keluarga terdekat sahaja.
 - d. Majlis tahlil dan kenduri arwah adalah tidak dibenarkan.
4. Garis Panduan ini adalah berkuatkuasa mulai 18 Mac hingga 31 Mac 2020. Semua masyarakat Islam di negeri Pulau Pinang hendaklah mematuhi garis panduan ini sehingga arahan rasmi terkini dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Sekian dimaklumkan.



(DATU' SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR)

Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang

18 Mac 2020